Medical Device
AUTHORITY
MALAYSIA



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

*ORGANIZATIONAL ANTI – CORRUPTION PLAN (OACP)*

**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)**
**2022 - 2026**

# PERUTUSAN PENGERUSI

## PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya naskhah Pelan Antirasuah Organisasi atau Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) PBPP ini berjaya diterbitkan. Pertama sekali, izinkan saya untuk menzahirkan sekalung penghargaan kepada barisan sidang redaksi dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP Tahun 2022 – 2026.

Pelan yang komprehensif dan meliputi semua bidang tugas yang terdapat di PBPP ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. Pelan ini juga adalah sebagai panduan dan rujukan utama warga kerja PBPP dalam mendepani isu rasuah, integriti dan tadbir urus khususnya dalam melaksanakan tugas harian.

Pandemik COVID-19 ini membuktikan peranan PBPP sebagai peneraju utama hab peranti perubatan untuk persekitaran penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan bagi negara dalam mengekang penularan virus COVID-19. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan awam termasuklah warga PBPP untuk sentiasa menjaga integriti agar keyakinan semua pihak berkepentingan terhadap kredibiliti PBPP sebagai badan kawal selia peranti perubatan negara yang bebas rasuah dan berwibawa.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP 2022 – 2026 ini. Teruskan usaha dalam mengharungi hari-hari yang mendatang dengan mengamalkan norma baharu.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**
Pengerusi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

# PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

## PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, rasa syukur kehadrat Allah SWT dan sekalung tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organizational Anti-Corruption Plan* (OACP) 2022 - 2026 ini walaupun negara sedang bergelut dengan penularan virus pandemik COVID-19.

Sebagai pihak berkuasa di bawah Badan Berkanun Persekutuan yang mengawalselia peranti perubatan di Malaysia, sudah tentu fokus dan agenda utama adalah untuk menjaga kesihatan awam dan memastikan prestasi dan keselamatan peranti perubatan di pasaran Malaysia terjamin. Perkara ini selaras dengan visi dan misi dalam Pelan Strategik PBPP Penggal 2019 - 2023.

Walaupun negara sedang berdepan dengan cabaran dalam menangani wabak COVID-19, PBPP tidak seharusnya menjadikan ia sebagai alasan untuk tidak berdaya saing. Sebaliknya urusan tadbir urus dan pengoperasian PBPP perlulah sentiasa efektif dan efisien.

Dikesempatan ini, saya ingin menegaskan bahawa pelan antirasuah ini telah dibangunkan dengan mengambil kira semua bidang tugas dalam PBPP dan juga kepentingan semua pihak termasuklah pelanggan, pihak berkepentingan dan warga kerja PBPP agar inisiatif Kerajaan seperti dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 untuk membanteras isu rasuah, integriti dan tadbir urus dapat dikawal dengan lebih baik. Saya percaya tiada pelan yang sempurna dapat dibangunkan dan direalisasikan tanpa komitmen daripada semua pihak termasuklah Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan OACP PBPP dan Pengurusan Tertinggi PBPP. Semua pihak ini akan memastikan setiap inisiatif yang telah dirangka dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Oleh yang demikian, saya menyeru seluruh warga kerja PBPP terus berganding bahu untuk menjayakan pelan tindakan dan insiatif-inisatif yang ada di dalam Pelan Antirasuah Organisasi PBPP. Semoga ia menjadi pemangkin kepada mutu kerja yang cemerlang dan semua pihak berkepentingan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus yang terlibat dalam membangunkan dan menjayakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP 2022 – 2026 ini.

**AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI**
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

# PERNYATAAN KOMITMEN
## PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pihak Berkuasa Peranti Perubatan atau PBPP merupakan dokumen penting dalam menyatakan hasrat utama PBPP bagi membendung sebarang amalan atau tindakan yang berkaitan dengan rasuah, masalah integriti dan tadbir urus (governans) dalam organisasi.

Penghasilan Pelan OACP PBPP ini adalah selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional atau NACP dan berpandukan kepada inisiatif mandatori di bawah **“Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam”** di dalam NACP.

Semua inisiatif yang telah dibangunkan dalam pelan OACP ini adalah meliputi semua bidang utama atau fungsi utama PBPP dalam organisasi bagi meminimumkan dan mengawal sebarang perlakuan melibatkan unsur rasuah, salah laku integriti dan masalah tadbir urus dalam jabatan. Selain itu, semua inisiatif yang telah dirancang juga telah mendapat sokongan penuh daripada semua bahagian/cawangan/unit dalam jabatan.

Semua warga kerja PBPP termasuklah Pengurusan Tertinggi PBPP bertekad untuk bersama-sama menggembeleng tenaga, memberikan sokongan dan komitmen bagi memastikan setiap inisiatif atau pelan tindakan yang telah digariskan dapat dijayakan dengan sepenuhnya bagi memastikan persekitaran organisasi yang bebas rasuah, pembudayaan integriti tinggi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dapat direalisasikan.

**Barisan Pengurusan Tertinggi**
**Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**

# KANDUNGAN


| BAB 1: PENGENALAN | |
|---|---|
| Latar Belakang | 6 |
| Hala Tuju dan Strategik | 7 |
| Keperluan Pembangunan Pelan OACP | 8 |
| Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional | 8 |
| Dasar Integriti dan Tadbir Urus PBPP | 8 |

| BAB 2: ISU DAN CABARAN DALAM MENANGANI RASUAH | |
|---|---|
| Gejala Rasuah Peringkat Negara dan Organisasi | 9 |
| Senario dan Cabaran Masa Hadapan | 11 |

| BAB 3: KUPASAN DATA | |
|---|---|
| Penilaian Risiko | 12 |
| Analisis Data | 13 |
| Bidang – Bidang Berisiko | 16 |

| BAB 4: KERANGKA PELAN OACP PBPP | |
|---|---|
| Kerangka Pelan OACP PBPP 2022 – 2026 | 19 |
| Sasaran OACP PBPP | 19 |
| Senarai Risiko Mengikut Bidang Keutamaan | 20 |

| BAB 5: PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF | |
|---|---|
| Bidang Keutamaan: Pemantauan dan Penguatkuasaan | 21 |
| Bidang Keutamaan: Pendaftaran Peranti Perubatan, Pelesenan Establismen dan Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi | 22 |
| Bidang Keutamaan: Pengurusan dan Pentadbiran | 22 |
| Bidang Keutamaan: Perolehan dan Kewangan | 25 |

| BAB 6: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN OACP | |
|---|---|
| Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan | 26 |
| Mekanisme Penyelarasan dan Pemantauan | 27 |

| BAB 7: PENUTUP | 28 |
|---|---|

| BAB 8: LAMPIRAN | 30 |
|---|---|


rasuah perosak bangsa...//

# bab satu

# pengenalan
.../

## 1.1 LATAR BELAKANG PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) ialah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). PBPP ditubuhkan pada tahun 2012 berdasarkan peruntukan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (Akta 738) yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Peranti Perubatan (Akta 737).

Akta 737 merupakan akta yang mengawal dan mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktiviti yang berkaitan dengannya. Akta ini juga mengkhususkan keperluan pendaftaran peranti perubatan, keperluan pendaftaran Badan Penilaian Pematuhan (CAB) dan keperluan pelesenan establismen yang mengimport, mengeksport serta meletakkan suatu peranti perubatan dalam pasaran Malaysia. Selain itu, akta ini juga meliputi keperluan pemantauan dan pengawasan peranti perubatan serta kepenggunaannya.

### KEANGGOTAAN PIHAK BERKUASA

Seksyen 4 (1) Akta 738 menetapkan bahawa PBPP hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

a. Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pengerusi;
b. Ketua Eksekutif;
c. seorang wakil Kementerian Kewangan;
d. seorang wakil Kementerian Kesihatan; dan
e. tidak lebih daripada lima orang yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman dalam hal perkara peranti perubatan yang dilantik oleh Menteri.

### FUNGSI DAN KUASA ANGGOTA

Seksyen 12 (1) Bahagian 3 Akta 738 menyatakan PBPP hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang peranti perubatan dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

a. melaksanakan dan menguatkuasakan dan menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang peranti perubatan;
b. untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya;
c. untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya termasuklah dalam bidang penyelidikan dan latihan;
d. untuk memberi perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya;
e. untuk menggunakan segala harta Pihak Berkuasa, harta alih dan tak alih, mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Pihak Berkuasa termasuk mendapatkan pinjaman bagi menggadai janji apa-apa harta;
f. untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa; dan
g. untuk memberi pinjaman dan biasiswa kepada pekhidmat Pihak Berkuasa bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

## 1.2 HALA TUJU STRATEGIK PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

### visi

Untuk menjadi badan kawal selia peranti perubatan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan kelas dunia, peneraju hab peranti perubatan untuk persekitaran penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan bagi negara pada tahun 2023.

### misi

1. Kawalan dan Penguatkuasaan yang efektif
    - Penyediaan kawalan perundangan ke atas industri peranti perubatan di Malaysia melalui pematuhan kepada Akta 737 dan peraturan di bawahnya untuk memastikan prestasi dan keselamatan serta memberi perlindungan kepada orang awam yang menjurus ke arah kepuasan pelanggan.
2. Didorong oleh teknologi dan kompetensi sumber manusia
    - Pembangunan kompetensi sumber manusia secara berterusan bagi memastikan kelestarian keberkesanan organisasi.
    - Pembangunan proses penyampaian secara berterusan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.
3. Keterlibatan pelanggan dan pihak berkepentingan
    - Perhubungan kolaboratif dan konsultatif yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, pihak berkepentingan dan kakitangan.
4. Mewujudkan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa
    - Pengharmonian dan pengiktirafan (Memorandum of Understanding (MOU) / Memorandum Recognition Agreement (MRA)).

### fungsi PBPP

PBPP memainkan peranan yang penting bagi melindungi keselamatan dan kesihatan umum dengan menjalankan fungsi-fungsi seperti yang berikut:

a. mendaftarkan semua peranti perubatan;
b. mengeluarkan lesen kepada pengilang, pengedar, pengeksport dan pengimport;
c. Menjalankan audit pematuhan ke atas keperluan Akta 737 dan Peraturan-peraturan Peranti Perubatan 2012;
d. Melakukan pemantauan dan pengawasan ke atas peranti perubatan yang berada dalam pasaran;
e. Memastikan kompetensi ketika dalam pengoperasian dan penggunaan peranti perubatan, termasuk prosedur pelupusan;
f. Memastikan pengujian makmal mencapai piawaian yang dikehendaki untuk menguji peranti perubatan; dan
g. Menggubal undang-undang, peraturan, garis panduan dan piawaian berkaitan dengan peranti perubatan.

## 1.3 KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN OACP PBPP

Pembangunan OACP adalah merujuk dan berpandukan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019. Ia juga merupakan arahan YAB Perdana Menteri seperti yang dinyatakan dalam No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans (Tadbir Urus), Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi.

Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Strategi 2 dalam NACP, iaitu Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam. OACP juga merupakan sebuah pelan utama PBPP yang mengandungi tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah dan memantapkan integriti serta memfokuskan kepada isu-isu integriti serta rasuah yang berlaku dalam organisasi.

## 1.4 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Kerajaan Malaysia begitu komited dalam membanteras rasuah pada peringkat nasional dengan menjadikan isu ini sebagai agenda utama negara dalam menuju ke arah status negara maju dan bebas rasuah. Beberapa inisiatif utama telah diperkenalkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013 dan yang terkini ialah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

## 1.5 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PBPP

Seiring dengan matlamat nasional dalam membanteras rasuah, PBPP juga turut mengambil inisiatif yang selari dengan dasar dan tadbir urus negara seperti Polisi Tiada Hadiah, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, Kod Etika dan Tatakelakuan PBPP, pembudayaan Polisi Antirasuah KKM melalui Polisi-polisi Pengurusan Sistem Pengurusan Antirasuah KKM dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP 2022 – 2026.



bab dua

# isu dan cabaran menangani rasuah
.../

## 2.1 GEJALA RASUAH PERINGKAT NEGARA DAN ORGANISASI

### i. Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI)

Berdasarkan kepada Laporan Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index atau CPI) pada tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia, negara Malaysia telah memperbaiki kedudukan indeks CPI di tangga ke-51 daripada 180 negara dengan skor sebanyak 53 berbanding pada tahun 2018 dengan kedudukan di tangga ke-61 dan skor sebanyak 47. Berdasarkan laporan CPI, Kerajaan Malaysia kini sedang bergiat aktif dalam aktiviti membanteras rasuah melalui pelbagai pelan dan rancangan yang tersusun dan efektif.

| TAHUN | KEDUDUKAN | SKOR |
|---|---|---|
| **2014** | 51 | 52 |
| **2015** | 54 | 50 |
| **2016** | 55 | 49 |
| **2017** | 62 | 47 |
| **2018** | 61 | 47 |
| **2019** | 51 | 53 |

**Jadual 2.1 (i) Laporan Indeks Persepsi Rasuah**
(Sumber: *Transparency International Malaysia*)



### ii. Statistik Tangkapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Terdapat peningkatan ketara bagi tangkapan oleh SPRM ke atas penjawat awam dari tahun 2018 hingga tahun 2019, iaitu 418 orang meningkat kepada 779 orang. Tangkapan SPRM ini kebanyakkannya berkaitan kesalahan rasuah, dan peningkatan ini adalah amat ketara jika dibandingkan dengan tangkapan ke atas orang awam.

Walau bagaimanapun, hingga bulan Oktober tahun 2020, terdapat penurunan statistik tangkapan oleh pihak SPRM ke atas penjawat awam, iaitu sebanyak 391 tangkapan.




**Rajah 2.1(ii) Statistik Tangkapan SPRM**
(Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia SPRM)

### iii. Statistik Data Pesalah Rasuah

Terdapat trend penurunan pesalah rasuah yang melibatkan penjawat awam pada tahun 2018 hingga bulan Ogos tahun 2020, iaitu daripada 69 pesalah menurun kepada 16 orang pesalah.

Begitu juga dengan kategori pesalah rasuah daripada Badan Berkanun, iaitu seramai 17 orang pada tahun 2018 telah menurun kepada hanya lima orang pada tahun 2020. Sementara bagi orang awam, penurunan secara drastik dicatatkan, iaitu seramai 82 orang pada tahun 2018 kepada 13 orang pada Ogos 2020.




**Rajah 2.1(iii) Statistik Data Pesalah Rasuah**
(Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia SPRM)

**iv. Kemampuan dan Keupayaan Unit Integriti**

Perjawatan di Unit Integriti PBPP sedia ada kini diselia oleh **seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N29**. Struktur organisasi bagi Unit Integriti di PBPP amatlah terhad dan perlu ditambah baik dengan tambahan beberapa jawatan untuk unit tersebut. Struktur sedia ada ini adalah jauh berbeza jika dibandingkan dengan struktur **Unit Integriti berisiko rendah** (Model C) yang dikeluarkan oleh SPRM melalui **Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam**, yang mana menetapkan tujuh perjawatan (minima).

Dengan keupayaan perjawatan sedia ada yang hanya terdiri daripada seorang pegawai di Unit Integriti PBPP, adalah amat sukar untuk unit ini memenuhi dan melaksanakan **kesemua enam fungsi teras Unit Integriti** yang ditetapkan melalui pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), iaitu **tadbir urus, pematuhan, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, dan tatatertib.**

## 2.2 SENARIO & CABARAN MASA HADAPANI

Gejala rasuah masih boleh berlaku pada masa hadapan sekiranya tiada tindakan yang lebih tegas dan punitif diambil ke atas pelaku. Berdasarkan pemerhatian dan kajian ke atas data yang dikumpul, faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya perbuatan rasuah adalah seperti yang berikut:

| | | |
|---|---|---|
| KURANG INTEGRITI | SALAH GUNA KUASA | KURANG PEMANTAUAN |
| PERCANGGAHAN KEPENTINGAN | CAMPUR TANGAN & ARAHAN PIHAK ATASAN | RUANG DAN PELUANG |
| KELEMAHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) | KELEWATAN MEMBUAT KEPUTUSAN | TIADA TINDAKAN PUNITIF |



3

bab tiga

# kupasan data

...//

## 3.1 PENILAIAN RISIKO

PBPP telah melaksanakan Proses Penilaian Risiko (Corruption Risk Assessment) bagi mengenalpasti dan mengkaji risiko berkaitan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah yang telah, sedang atau mungkin akan berlaku di PBPP. Kesemua risiko ini boleh menjejaskan reputasi dan operasi organisasi. Antara kaedah dan mekanisme yang digunakan dalam proses penilaian risiko tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Mengenalpasti dan menganalisis data risiko rasuah, risiko-risiko tadbir urus, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah & Pembangunan OACP KKM pada 8 – 11 September 2020, Bengkel Pembangunan Pelan OACP bersama Unit Integriti, KKM pada 5 Mei 2021 dan juga semasa Bengkel Pembangunan Pelan OACP bersama pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), SPRM pada 14 – 17 Jun 2021;
ii. Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2017 dan tahun 2018;
iii. Keputusan dan minit mesyuarat semasa Mesyuarat Anggota PBPP, Mesyuarat Bulanan PBPP, Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PBPP dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi dan Antirasuah PBPP;
iv. Aduan dan maklum balas pelanggan; dan
v. Input-input dan analisa risiko daripada Jawatankuasa OACP PBPP.



## 3.2 ANALISIS DATA

Sebagai usaha dalam mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah, tadbir urus dan integriti di PBPP, Jawatankuasa OACP PBPP telah melakukan kajian dan analisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu pembangunan Pelan OACP PBPP.

**i. Analisis Data Bagi Aduan Integriti**

| TAHUN | JUMLAH ADUAN | KATEGORI ADUAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | RASUAH/ SALAH GUNA KUASA | SALAH LAKU | TUNTUTAN PALSU | LAIN-LAIN |
| **2016** | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| **2017** | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| **2018** | 5 | 1 | 3 | 0 | 1 |
| **2019** | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| **2020** | 6 | 3 | 3 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **14** | **4** | **9** | **0** | **1** |

**Jadual 3.2(i) Statistik Aduan Integriti bagi Tahun 2016 – 2020**

Daripada data dalam Jadual 1 di atas, didapati terdapat empat aduan (28.57%) berkaitan rasuah atau salah guna kuasa telah diterima bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Bagi kategori aduan berkaitan **salah laku pegawai** di PBPP, Unit Integriti telah menerima sejumlah **sembilan aduan** (64.29%), manakala **sifar aduan** (0%) bagi kategori tuntutan palsu dan sejumlah **dua aduan** (14.29%) bagi kategori **lain-lain** telah dilaporkan.

**ii. Analisis Data Siasatan oleh SPRM terhadap PBPP**

| TAHUN | BIL. SIASATAN |
|---|---|
| **2017** | 0 |
| **2018** | 1 |
| **2019** | 0 |
| **2020** | 2 |
| **JUMLAH** | **3** |

**Jadual 3.2 (ii) Statistik Siasatan oleh SPRM terhadap PBPP bagi tahun 2017 hingga tahun 2020**

Merujuk kepada Jadual 3.2(ii) di atas, sebanyak tiga siasatan telah dilakukan oleh pihak SPRM terhadap PBPP bagi tempoh tahun 2017 hingga tahun 2020. Satu siasatan berkaitan projek yang dilaksanakan oleh PBPP melibatkan Projek Amalan Makmal Baik (GLP) dan Makmal MyBioscience di Melaka. Sementara dua lagi siasatan yang dilakukan oleh pihak SPRM pada tahun 2020 adalah rasuah kepada pegawai di PBPP berkaitan dengan Kebenaran Pengecualian Akses Khas Peranti Perubatan.

### iii. Analisis Data Kesalahan Isu Kesalahan mengikut Bahagian/Unit

| TAHUN | BAHAGIAN UNIT | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | PENDAFTARAN | PENGUATKUASAAN | PERLESENAN | PENTADBIRAN | DASAR, KOD & STANDARD |
| 2016 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 2017 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| 2018 | 0 | 0 | 0 | 7 | 1 |
| 2019 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 |
| 2020 | 1 | 1 | 1 | 6 | 0 |
| JUMLAH | 1 | 1 | 1 | 21 | 1 |

**Jadual 3.2(iii) Data kesalahan isu kesalahan mengikut bahagian/unit bagi tahun 2016 hingga tahun 2020**




**Rajah 3.2(iii) Jumlah Kesalahan Mengikut Bahagian/Unit Tahun 2016 hingga tahun 2020**

Merujuk kepada jadual 3.2 (ii) dan rajah 3.2 (iii) di atas, didapati bahawa kluster di bawah Unit Pentadbiran merekodkan kesalahan yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 21 kesalahan bagi tempoh sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2020. Manakala lain-lain kluster hanya mencatatkan satu kesalahan bagi tempoh lima tahun tersebut.



iv. **Analisis Data Mengikut Kesalahan bagi Kumpulan Pegawai di PBPP**

| TAHUN | KUMPULAN PEGAWAI | | |
|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN TERTINGGI | PENGURUSAN & PROFESIONAL (P&P) | SOKONGAN |
| 2016 | 0 | 1 | 0 |
| 2017 | 0 | 0 | 0 |
| 2018 | 0 | 5 | 0 |
| 2019 | 0 | 2 | 0 |
| 2020 | 2 | 3 | 1 |
| JUMLAH | 2 | 11 | 1 |

Jadual 3.2 (iv) Kesalahan mengikut Kumpulan Pegawai di PBPP tahun 2016 hingga tahun 2020




Rajah 3.2 (iv) Jumlah kesalahan mengikut Kumpulan Pegawai di PBPP tahun 2016 hingga tahun 2020

v. **Analisis Komposit Sumber Data Aduan**

| TAHUN | SPRM | UI KKM | UI PBPP | FEMES |
|---|---|---|---|---|
| 2016 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 2017 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 2018 | 1 | 0 | 3 | 0 |
| 2019 | 0 | 0 | 3 | 0 |
| 2020 | 1 | 2 | 1 | 2 |
| JUMLAH | 2 | 2 | 9 | 2 |

Jadual 3.2 (v) Jumlah Komposit Sumber Data Aduan tahun 2016 hingga tahun 2020




**Rajah 3.2 (v) Komposit Sumber Data Aduan tahun 2016 hingga tahun 2020**

Merujuk kepada Jadual 3.2 (v) dan Rajah 3.2 (v) di atas, di dapati bahawa jumlah komposit sumber data aduan tertinggi bagi tahun 2016 hingga tahun 2020 yang diperoleh terus melalui Unit Integriti PBPP ialah sebanyak sembilan aduan (60%), manakala sumber data aduan melalui pihak SPRM, Unit Integriti (UI) KKM dan sistem pengurusan aduan (FEMES) PBPP mencatatkan masing-masing dua aduan.

**vi. Bilangan Kes Tatatertib di PBPP**

Walaupun Unit Integriti PBPP telah menerima sejumlah 14 aduan berkaitan integriti pada tahun 2016 hingga tahun 2020, namun hasil daripada siasatan dalaman dan pengesahan yang turut dilakukan oleh Unit Integriti KKM mendapati tiada kes tatatertib dikenakan ke atas pegawai PBPP. Kebanyakan aduan berkaitan integriti yang diterima adalah bersifat aduan tanpa bukti yang kukuh dan tiada tindakan lanjut perlu diambil *(no further action)*.

Perkara ini menunjukkan kadar pematuhan pegawai PBPP terhadap peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa adalah pada tahap yang baik dan terkawal. Program-program kesedaran yang sesuai seperti taklimat kesedaran dan program integriti dan nilai-nilai murni yang dijalankan oleh Unit Integriti, ditambah pula dengan sikap dan kesedaran semua kakitangan di PBPP telah memberikan kesan kepada sifar kes tatatertib di PBPP sepanjang empat tahun tersebut. Walau bagaimanapun, Unit Integriti PBPP tidak boleh mengambil sikap sambal lewa dan memandang ringan akan perkara ini dan hendaklah terus meningkatkan lagi kawalan dalaman serta penganjuran program kesedaran berkaitan integriti kepada semua kakitangan di PBPP agar kes tatatertib dan salah laku tidak berlaku.

## 3.3 BIDANG-BIDANG BERISIKO

Antara bidang-bidang berisiko yang terlibat dan telah dikenal pasti seperti:

i. Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang;
ii. Pendaftaran Peranti Perubatan, Pelesenan Establismen dan Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi;
iii. Pengurusan dan Pentadbiran; dan
iv. Perolehan dan Kewangan.

**i. Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang**

Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang yang efektif serta berkesan perlu diutamakan oleh PBPP supaya peranti perubatan yang selamat dan berkesan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh pengguna. Pendidikan dan tindakan punitif yang bersepadu perlu diambil kira sebelum sesuatu hukuman atau tindakan undang-undang diambil terhadap pesalah yang melakukan kesalahan di bawah Akta 737.

**ii. Pendaftaran Peranti Perubatan, Pelesenan Establismen dan Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi**

Aktiviti utama di PBPP adalah pelesenan establismen dan pendaftaran peranti perubatan, pengecualian pendaftaran peranti perubatan, permit dan notifikasi. Aktiviti ini berlaku sebelum peranti tersebut boleh dipasarkan dalam pasaran Malaysia untuk kegunaan orang awam. Aktiviti ini juga merupakan punca pendapatan PBPP dan perlu dikawal selia dengan sebaiknya agar risiko dan perbuatan rasuah dapat dielakkan daripada berlaku. Selain itu, permohonan pengecualian pendaftaran bagi peranti perubatan juga perlu diambil perhatian memandangkan bidang ini juga antara faktor penyebab kepada kesalahan rasuah.

**iii. Pengurusan dan Pentadbiran**

Tadbir urus yang cemerlang dan berwibawa amatlah diharapkan oleh mana-mana jabatan dan organisasi. Tadbir urus yang baik dapat menjadikan pengurusan organisasi telus dan berkesan, dan seterusnya dapat beroperasi dengan baik demi kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

**iv. Perolehan dan Kewangan**

Setiap agensi atau jabatan kerajaan mempunyai aktiviti berkaitan perolehan dan urusan kewangan sebagai salah satu operasi utama mereka. Justeru, bidang ini juga perlu diberi perhatian sewajarnya dan sekiranya kawalan serta pencegahan tidak diambil, potensi rasuah berlaku adalah sangat tinggi.



bab

# 4 empat

# kerangka pelan OACP PBPP …//

Pelan OACP PBPP telah menetapkan empat bidang penting dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang, Pelesenan Establismen, Pendaftaran, Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi, Pengurusan dan Pentadbiran serta Perolehan dan Kewangan.

> **“BETA MENYERU SEMUA PIHAK UNTUK MENDUKUNG ASPIRASI PELAN ANTIRASUAH NASIONAL AGAR SETIAP AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA TIDAK TERHAKIS OLEH AMALAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA**
>
> **- PETIKAN TITAH YANG DI-PERTUAN AGONG DI PARLIMEN**
> **18 MEI 2020”**



## 4.1 KERANGKA PELAN OACP PBPP TAHUN 2022 HINGGA TAHUN 2026

### VISI

Menjadi Badan Kawal Selia Peranti Perubatan Yang Bebas Rasuah Dan Diiktiraf Di Peringkat Antarabangsa

### MISI

| | |
|---|---|
| Memantapkan kecekapan, ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 737 | Meningkatkan kecekapan, ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme berasaskan tadbir urus yang cemerlang |

### MATLAMAT

| | | |
|---|---|---|
| Menghapuskan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam penguatkuasaan Akta 737 | Meningkatkan kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan | Membudayakan integriti serta meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam organisasi |

### BIDANG KEUTAMAAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemantauan & Penguatkuasaan | Pendaftaran Peranti Perubatan, Pelesenan Establismen & Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi | Pengurusan & pentadbiran | Perolehan & kewangan |

### STRATEGI

| | | | |
|---|---|---|---|
| Memperkukuh dan memperkemas tatacara pelaksanaan serta mempertingkatkan kecekapan dan integriti dalam pemantauan dan penguatkuasaan | Memperkukuh dan memperkemas tatacara pelaksanaan serta mempertingkatkan kecekapan dan integriti dalam proses pendaftaran, pengecualian dan pelesenan, permit dan notifikasi | Memperkemaskan tatacara dan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan organisasi serta kawalan kakitangan secara efektif | Memperkemaskan tatacara dan mempertingkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pegurusan kewangan dan perolehan |

## 4.2 SASARAN OACP PBPP

Melalui bidang-bidang berisiko yang telah ditetapkan seperti dalam kerangka OACP tersebut, PBPP berharap agar langkah-langkah yang akan diambil melalui semua inisiatif tersebut dapat meningkatkan kecekapan dan integriti PBPP sama ada pada peringkat negara mahupun antarabangsa sekali gus meyakinkan kehendak pemegang taruh dan pelanggan PBPP khususnya.

Strategi yang telah dirancang ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang yang melibatkan empat bidang utama serta dipacu oleh beberapa objektif strategik, risiko dan inisiatif dalam mengawal dan membanteras rasuah serta mengurangkan isu tadbir urus dan integriti di PBPP.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 BIDANG KEUTAMAAN | 4 STRATEGI | 12 OBJEKTIF STRATEGIK | 38 INISIATIF/ TINDAKAN |

Jadual 4.2 Ringkasan Pelan OACP PBPP tahun 2022 hingga tahun 2026

## *RISK MAP* – SENARAI RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

| NO | RISIKO | BIDANG KEUTAMAAN |
|---|---|---|
| 1 | Meminta dan menerima rasuah bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 737 seperti pengguguran kes penguatkuasaan | Pemantauan & Penguatkuasaan |
| 2 | Kebocoran maklumat berkaitan kes penguatkuasaan | |
| 3 | Meminta dan menerima rasuah bagi tujuan mendapatkan kelulusan yang dikeluarkan oleh PBPP (MDA) seperti kelulusan lesen establismen, pendaftaran peranti perubatan, change notification dan notifikasi pengecualian pendaftaran peranti perubatan | Pendaftaran Peranti Perubatan, Pelesenan Establismen & Pengecualian Pendaftaran Peranti Perubatan, Permit dan Notifikasi |
| 4 | Salah guna kuasa dalam proses penyemakan dan kelulusan seperti pendaftaran, pelesenan dan pengecualian pendaftaran, Pakatan dalam memanipulasi sebarang permohonan kelulusan peranti perubatan dan perlesenan (salah guna kuasa) | |
| 5 | Kebocoran maklumat terperingkat | Pengurusan & Pentadbiran |
| 6 | Campurtangan politik dalam pelantikan Ketua Eksekutif dan Anggota PBPP (MDA) | |
| 7 | Kelewatan dalam memberi respon & keputusan kepada sesuatu isu yang timbul | |
| 8 | Aduan tatatertib yang tidak diambil tindakan oleh Ketua Eksekutif | |
| 9 | Salah guna kuasa oleh pegawai atasan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan | |
| 10 | Mengetik kad perakam waktu dan menghilangkan diri waktu bekerja di pejabat | |
| 11 | Salah guna kuasa oleh pegawai atasan dalam urusan pentadbiran, perolehan dan kewangan | Perolehan & Kewangan |

## *RISK MAP* – SENARAI RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

| | *Insignificant* | *Minor* | *Moderate* | *Major* | *Catastrophic* |
|---|---|---|---|---|---|
| ***Almost certain*** | | | 7 | | |
| ***Likely*** | | | 10 | 1, 2, 3, 4, 5, 6 | |
| ***Moderate*** | | | 9, 11 | 8 | |
| ***Unlikely*** | | | | | |
| ***Rare*** | | | | | |

*Low* *Moderate* *Significant* *High*

# pelan tindakan dan inisiatif …//

bab lima

## 5.1 BIDANG KEUTAMAAN: PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

### STRATEGI 1
### MEMPERKUKUH DAN MEMPERKEMAS TATACARA PELAKSANAAN SERTA MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI DALAM PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

**OBJEKTIF STRATEGI 1.1**

Memperkemas, menguatkuasa serta mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan yang lebih berkesan berdasarkan Akta 737 dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 1.1.1 | i. Menambahbaik SOP dengan memantapkan pemantauan ke atas proses kerja berkaitan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan | Unit Penguatkuasaan | 12 bulan (Jan 2022 – Dis 2022) |
| | ii. Memantapkan program kesedaran antirasuah dan integriti dalam organisasi.<br>iii. Membudayakan polisi tidak menerima hadiah.<br>iv. Tindakan punitif yang lebih tegas. | Unit Integriti | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022 – Dis 2026) |
| | v. Penggiliran/pusingan kerja di tempat bertugas | Unit Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia) | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022 – Dis 2026) |

## 5.2 BIDANG KEUTAMAAN: PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN, PELESENAN ESTABLISMEN & PENGECUALIAN PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN, PERMIT DAN NOTIFIKASI

### STRATEGI 2
**MEMPERKUKUH DAN MEMPERKEMAS TATACARA PELAKSANAAN SERTA MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI DALAM PROSES PENDAFTARAN, PENGECUALIAN DAN PELESENAN,PERMIT & NOTIFIKASI**

**OBJEKTIF STRATEGI 2.1**
Memperkemas, menguatkuasakan secara berkala ke atas mekanisma proses kelulusan permohonan perlesenan dan pendaftaran peranti perubatan serta pengecualian pendaftaran peranti perubatan, permit dan notifikasi.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 2.1.1 | i. Menambahbaik SOP dengan memantapkan pemantauan ke atas proses kerja berkaitan proses kelulusan permohonan pelesenan dan pendaftaran peranti perubatan, pengecualian pendaftaran peranti perubatan, permit dan notifikasi | • Unit Pendaftaran & Pelesenan Peranti Perubatan<br>• Bahagian Penilaian Teknikal | 12 bulan (Jan – Dis 2022) |

**OBJEKTIF STRATEGI 2.2**
Memperkemas, Menguatkuasakan dan Memantau Prosedur Kerja.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 2.2.1 | i. Mendapatkan pensijilan ISO 9001:2008 | Unit Pendaftaran dan Pelesenan | 12 bulan – 24 bulan (Jan 2022 – Dis 2023) |
| | ii. Menambah baik SOP berkaitan pelesenan dan pendaftaran peranti perubatan | | 12 bulan (Jan 2022 – Dis 2022) |

## 5.3 BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

### STRATEGI 3
**MEMPERKEMASKAN TATACARA DAN PELAKSANAAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ORGANISASI SERTA KAWALAN KAKITANGAN SECARA EFEKTIF**

**OBJEKTIF STRATEGI 3.1**
Memperkemas dan memantapkan secara berkala ke atas aktiviti pentadbiran dan pengurusan organisasi yang bersepadu.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.1.1 | i. Memantapkan program kesedaran antirasuah dan integrity.<br>ii. Membudayakan polisi tidak menerima hadiah.<br>iii. Tindakan punitif yang lebih tegas.<br>iv. Melaporkan maklumat berkaitan rasuah kepada pihak SPRM | Unit Integriti | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022– Dis 2026) |
| | v. Menambah baik struktur organisasi dalaman PBPP | Unit Khidmat Pengurusan | 12 bulan (Jan – Dis 2022) |
| | vi. Penggiliran/pusingan kerja di tempat bertugas (bahagian/cawangan/unit) | | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022 – Dis 2026) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.2**

Memperkukuhkan integriti melalui program berbentuk penganugerahan dan penghargaan dalam kalangan pegawai dalam organisasi.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.2.1 | i. Menambahbaik klausa antirasuah dalam Kod Etika dan Tatakelakuan PBPP | Unit Integriti | 12 bulan (Jan 2022– Dis 2022) |
| 3.2.2 | ii. Mewujudkan program-program nilai murni di jabatan (contoh program anugerah pekerja contoh)<br>iii. Membudayakan Akta SPRM 2009 (Akta 694) | | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022 – Dis 2026) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.3**

Mempertingkatkan sistem prosedur kerja yang lebih telus.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.3.1 | i. Menggalakkan warga PBPP dan pelanggan luar menggunakan dan mengaplikasikan sepenuhnya Sistem FEMES dengan sebaiknya | Unit Komunikasi Korporat | 12 bulan (Jan – Dis 2022) |
| | ii. Menambahbaik sistem MedC@ST | Unit ICT | 12 bulan (Jan – Dis 2022) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.4**

Mempertingkatkan keberkesanan keputusan oleh pembuat keputusan.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.4.1 | i. Menambah klausa “peranan Ketua Jabatan” berkaitan tindakan ke atas keputusan penting perlu diambil dengan segera di dalam Kod Etika & Tatakelakuan PBPP | Unit Integriti | 4 bulan (Jan – Apr 2022) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.5**

Memperteguhkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan sumber manusia.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.5.1 | i. Meningkatkan kawalan tambahan oleh penyelia ke atas pegawai seliaan<br>ii. Memperkemaskan mekanisme Kebenaran Meninggalkan Pejabat pada waktu bekerja<br>iii. Menguatkuasakan peraturan sedia ada | Unit Integriti & Unit Khidmat Pengurusan | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022– Dis 2026) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.6**

Memperteguhkan dan memantau pematuhan ke atas pengurusan keselamatan dan kerahsiaan maklumat.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.6.1 | i. Memperkemaskan klausa kerahsiaan maklumat terperingkat dalam Kod Etika & Tatakelakuan PBPP | Unit Integriti | 12 bulan (Jan 2022 – Dis 2022) |
| | ii. Menambah baik SOP untuk mengawal kebocoran maklumat terperingkat<br>iii. Menambah baik elemen keselamatan sistem pengurusan maklumat dokumen | Unit Khidmat Pengurusan | 12 bulan (Jan 2022 – Dis 2022) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.7**

Mempertingkatkan dan mengukuhkan tadbir urus yang baik dalam perlantikan Ketua Eksekutif dan Anggota PBPP.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.7.1 | i. Menambahbaik Tatacara Perlantikan Ketua Eksekutif Badan Berkanun | Unit Khidmat Pengurusan | 6 bulan (Jan – Jun 2022) |
| | ii. Mewujudkan tatacara Perlantikan Anggota PBPP berdasarkan Akta 738<br>iii. Memastikan perlantikan Ketua Eksekutif dan Anggota PBPP mengikut tatacara yang disediakan<br>iv. Memberi kefahaman berkaitan perlantikan Anggota PBPP berdasarkan Akta 738. | Unit Komunikasi Korporat | 6 bulan (Jan – Jun 2022) |

**OBJEKTIF STRATEGI 3.8**

Memperkukuhkan pematuhan ke atas pekeliling dan peraturan serta mempertingkatkan disiplin serta integriti kakitangan.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 3.8.1 | i. Menambahbaik Kod Etika & Tatakelakuan PBPP berkaitan kesalahan tatatertib<br>ii. Menambahbaik SOP Pengurusan Aduan Tatatertib<br>iii. Menguatkuasakan peraturan sedia ada | Unit Integriti | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022– Dis 2026) |



## 5.4 BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN DAN KEWANGAN

### STRATEGI 4
### MEMPERKEMASKAN TATACARA DAN MEMPERTINGKATKAN KETELUSAN, AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DALAM PEGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

**OBJEKTIF STRATEGI 4.1**

Mengukuhkan dan memantau pematuhan ke atas peraturan dan pekeliling berkaitan kewangan dan perolehan awam.

| BIL | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 4.1.1 | i. Mewujudkan program-program nilai murni di jabatan (contoh pembudayaan Akta SPRM)<br>ii. Menambahbaik Kod Etika dan tatakelakuan dengan mewujudkan elemen ketelusan dan integrity dalam perolehan awam<br>iii. Menguatkuasakan peraturan sedia ada | Unit Integriti | 12 bulan – 60 bulan (Jan 2022– Dis 2026) |
| | iv. Menambah baik SOP perolehan dan kewangan | Unit Perolehan dan Kewangan | 12 bulan (Jan – Dis 2022) |
| | v. Mendapatkan dan melaksanakan ISO 9001 | Unit Perolehan dan Kewangan | 12 bulan – 24 bulan (Jan 2022– Dis 2023) |

6

bab enam

# pemantauan dan penilaian OACP …//

## 6.1 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelaksanaan dan pemantauan ke atas OACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada tanggungjawab Unit Integriti sahaja. Pelaksanaan ini melibatkan kerjasama semua pihak termasuklah Pengurusan Tertinggi PBPP, pihak berkepentingan dan warga kerja PBPP untuk memastikan setiap tindakan dan inisiatif dalam pelan ini dapat dilaksanakan dan tercapai matlamatnya. Satu Jawatankuasa Pembangunan Pelan OACP PBPP juga telah ditubuhkan berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 “Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia”.

Bagi memastikan Pelan OACP PBPP dapat dilaksanakan Pengurusan Tertinggi PBPP hendaklah memastikan:

i. setiap Pelan Tindakan dilaksana mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan;
ii. mengkoordinasi, memantau dan melaporkan pencapaian OACP; dan
iii. membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Pengurusan dan Antirasuah PBPP.



## 6.2 MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN




**Pemantauan oleh Pelaksana Inisiatif:**

i. Membuat perbandingan dan analisa hasil keputusan sebenar dengan sasaran;

ii. Mengenalpasti dan membincangkan kekangan atau masalah dalam pelaksanaan inisiatif dalam mesyuarat Bahagian atau Unit; dan

iii. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti.

# 7 bab tujuh

# penutup …//

PBPP amat komited dalam menyokong usaha kerajaan dalam pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) tahun 2019 hingga tahun 2023. Semoga dengan usaha ini masalah dan isu berkaitan rasuah, integriti dan tadbir urus negara dapat ditangani.

Untuk mendokong usaha kerajaan, PBPP telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP bagi tempoh lima tahun, iaitu 2022 hingga 2026. OACP ini juga mengandungi pelbagai inisiatif yang akan dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk mengekang isu rasuah, integriti dan tadbir urus organisasi.

Adalah diharapkan agar semua inisiatif dalam pelan ini kelak dapat berfungsi sebagai panduan dan rujukan semua pihak dan ia dapat dilaksanakan dengan penuh komited selaras dengan visi OACP PBPP, iaitu “Ke Arah Badan Kawal Selia Peranti Perubatan Yang Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa” dapat dicapai.



“Tiada pelan yang **sempurna**
dapat dibangunkan dan direalisasikan
**tanpa komitmen**
daripada semua pihak”

## PENGHARGAAN

Sekalung Penghargaan Yang Tidak Terhingga Kepada

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah**
Pengerusi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

**YBrs. En. Ahmad Shariff bin Hambali**
Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

**Pengarah-pengarah Bahagian, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**

**Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)**

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Pengurusan dan Anti Rasuah PBPP**

**Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PBPP:**

1. Puan Idamazura binti Idris @ Harun - Pengerusi
2. Puan Norlela binti Hatta @ Antah
3. Puan Suhaida binti Rasul
4. Puan Nashirah binti Naiimi
5. Puan Zahroh Hasanah Agustini Ninaya Sekarwani bt Darwis Harahap
6. Encik Mohd Zul Hirsham bin Junaidi
7. Encik Salman bin Sha'ri
8. Encik Ahmad Farhan bin Mohd Yunus
9. Puan Nurul Hidayah binti A.Azmi
10. Puan Maryam Nazeera binti Suhaimi
11. Puan Nurul Aini binti Surip
12. Encik Azhar bin Hassan
13. Puan Norfazila binti Zulkifli
14. Encik Musa bin Mohd Hussin - Urusetia

**Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan dan penyediaan Pelan OACP PBPP 2022 – 2026**

# LAMPIRAN

## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH & PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 8 – 11 SEPTEMBER 2020





## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN BERSAMA UNIT INTEGRITI KKM PADA 5 MEI 2021






## SESI SEMAKAN DRAF PELAN OACP PBPP BERSAMA PIHAK AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA) PADA 15 SEPTEMBER 2021






## MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH PBPP TAHUN 2017






## INFO-INFO INTEGRITI






















SIRI 1/2016
INFO – INTEGRITI PBPP
RASUAH
INTEGRITI
MEMBERI DAN MENERIMA
RASUAH
BUKAN AMALAN
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN MALAYSIA
UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


INFO - INTEGRITI SIRI 2/2019
Siulan gatal juga gangguan seksual
STOP
SEXUAL
HARASSMENT
INFO: Gangguan seksual
80 peratus wanita tidak melaporkan gangguan seksual kerana:
Tiga sebab lelaki lakukan gangguan seksual:
Tip elak gangguan seksual:
Sumber: https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/03/539896/siulan-gatal-juga-gangguan-seksual 12 Mac 2019


SIRI 2 DIS/2016
INFO-INTEGRITI PBPP
Kewajipan Mematuhi Peraturan
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
Peraturan 4 (2)(g) "Seseorang pegawai tidak boleh tidak bertanggungjawab"
Contoh perlanggaran/ketidakpatuhan Peraturan 4 (2)(g):
Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah
Mengetik kad perakam waktu pegawai lain
Mengetik kad perakam waktu tetapi menghilangkan diri
(missing in action)
PERINGATAN!
DON'T DO IT.
UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


INFO - INTEGRITI SIRI 6/2018
Hanya terima bunga, makanan dan buah - PM
Tindakan punitif jika tiris dana kerajaan
Sumber: Berita Harian, 8 Jun 2018


INFO - INTEGRITI SIRI 7/2018
Zaman penjawat awam ikut arahan membuta tuli telah berlalu
PUTRAJAYA - Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ismail Bakar hari ini menegaskan bahawa zaman penjawat awam perlu menurut arahan membuta tuli telah berlalu.
Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata, bagi mendepani cabaran dunia tanpa sempadan, setiap penjawat awam perlu menjadi pemimpin yang mampu berfikir secara kreatif dan kritis bukan hanya menjadi seorang pengikut.
"Segala pendekatan baharu ini tidak mungkin dapat dilaksana sekiranya kita semua masih dibuai mimpi lama. Pada masa terhad ini, penjawat awam perlu bertindak pantas dalam tugasan berlandaskan kepada prinsip bersih, cekap dan amanah," katanya.
Sumber: Kosmo, 5 September 2018


INFO - INTEGRITI SIRI 7/2017
KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH SUATU KESALAHAN TATATERTIB
[PERATURAN 12,AKTA BADAN-BADAN BERKANUN
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000]
ANDA BERADA DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS JIKA:
1. Agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagarnya pada bila-bila masa tertentu melebihi enam kali emolument bulanannya;
2. Seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dalam penghakiman tersebut;
3. Seorang bankrap,selagi dia belum dilepaskan daripada kebankrapan atau penghakiman kebankrapannya belum dibatalkan.
Sabda Rasulullah saw yang maksudnya:
"Jiwa orang mukmin akan tergantung dengan hutangnya sehinggalah dia menjelaskan hutangnya".
(Riwayat at-Tirmizi)
Debt Slave
"BERPIJAKLAH DI BUMI YANG NYATA"
DEBT


PERMOHONAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR
second INCOME
Tahukah anda?
Kebenaran bertulis bagi melakukan pekerjaan luar hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Eksekutif PBPP.
Surat Pekeliling KSU KKM Bil 9 Tahun 2015
UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN


INFO INTEGRITI SIRI 6/2017
GANGGUAN SEKSUAL
ADALAH
SATU KESALAHAN
[PERATURAN 4A,PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]
Sebarang perbuatan bersifat seksual yang boleh menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut;
Sama ada secara lisan,bertulis atau dengan apa-apa lain;
Tidak terhad di tempat kerja atau dalam waktu kerja sahaja selagi perbuatan itu mencemarkan imej perkhidmatan awam boleh dikenakan
TINDAKAN TATATERTIB
JANGAN CEMARKAN IMEJ
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
MALAYSIA
UNIT INTEGRITI PBPP

**MEDICAL DEVICE AUTHORITY (MDA)**
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**
Level 6, Prima 9, Prima Avenue II
Block 3547, Persiaran APEC
63000 Cyberjaya, Selangor, MALAYSIA

Tel : +603 - 8230 0300
Fax : +603 - 8230 0200
E-mail : mdb @mda.gov.my

**www.mda.gov.my**